



**SEBAHAGIAN** daripada penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang menyertai program Selangkah ke UTHM di Tanjung Piai Resort, Pontian, Johor, baru-baru ini.

# UTHM beri maklumat kursus

Oleh **MUHAMMAD ZIKRI**

penarangang@utusan.com.my

**PONTIAN 23 Dis.** - Seramai 44 penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai program Selangkah ke UTHM di Tanjung Piai, dekat sini baru-baru ini sebagai salah satu usaha membantu memberi maklumat terkini kepada masyarakat, khususnya lepasan sekolah mengenai jurusan yang ditawarkan universiti tersebut.

Pengarah Operasi Program, Mohd. Amir Syafiq Ahmad berkata, aktiviti anjuran bersama UMNO Bahagian Tanjung Piai itu disertai oleh 66 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan pelajar tingkatan empat di daerah berkenaan supaya lebih memahami syarat-syarat

serta kursus yang ditawarkan oleh UTHM.

Menurutnya, antara kursus yang ditawarkan adalah Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Kejuruteraan Elektrik, Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Kejuruteraan Kimia dan Diploma Sains Gunaan, Diploma Teknologi Kejuruteraan Awam dan Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekanikal.

“Kita berharap dengan maklumat yang diberikan dapat membantu mereka membuat persediaan awal sekiranya berminat untuk melanjutkan pengajian di UTHM,” katanya.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tanjung Piai, Datuk Jefridin Atan.

Selain itu, peserta turut mengi-

kuti ceramah agama yang diadakan di Masjid As-Syakirin, Sungai Kuala, sukaneka bersama penduduk kampung di Kompleks Penghulu Mukim Serkat, malam kebudayaan di Sekolah Kebangsaan (SK) Rimba Terjun serta begotong-ronong di Kampung Parit Rambai.

Sementara itu, Jefridin berharap program itu dapat memberikan peluang kepada pđajar di kawasan Tanjung Piai dan daerah Pontian supaya lebih mengenali UTHM sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) di negeri ini.

“Program selangkah ke UTHM diharapkan dapat memberi mereka dorongan dan galakan untuk memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan SPM nanti dan seterusnya berpeluang melanjutkan pengajian ke UTHM,” katanya.